



**NAJIB TUN RAZAK** berucap dalam pelancaran Laporan Tahunan 2016 Program Transformasi Negara (NTP) di Dewan Agong Tuanku Canselor UITM, Shah Alam, malam tadi. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

## NTP bukti sumbangan penjawat awam

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Program Transformasi Negara (NTP) berjaya meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan awam dalam menangani isu-isu yang dihadapi rakyat.

Dalam perutusannya yang terkandung dalam Laporan Tahunan Program Transformasi Negara (NTP) 2016 yang dikeluarkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Jabatan Perdana Menteri hari ini, beliau berkata, pencapaian ketara NTP membuktikan usaha yang disumbangkan penjawat awam demi mewujudkan sistem penyampaian yang berkesan untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

"Pada masa ini, semua rakan sejawat dalam pentadbiran negara dan perkhidmatan awam diseru agar terus komited dalam usaha mencapai aspirasi negara berpendapatan tinggi dan terus memikul tanggungjawab dalam melaksanakan Program Transformasi Negara.

"Memandangkan pada 2016, NTP telah pun tiba di persimpangan di mana berlakunya peralihan tugas-tugas PEMANDU (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan) kepada penjawat awam, dan disusuli penyempurnaan program ini pada 2020," kata beliau.

Ahmad Zahid yang juga Pe-

nerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) berkata, antara pencapaian utama NTP adalah mengurangkan jenayah indeks kepada hampir separuh di antara 2010 hingga 2016, dengan mencatat penurunan purata 9 peratus setahun.

Beliau berkata, usaha kerajaan mengurangkan jenayah berjaya menjadikan rakyat berasa lebih selamat di mana Persepsi Penunjuk Jenayah mencatat penurunan yang nyata dalam kategori "perasaan takut rakyat menjadi mangsa jenayah" pada 2016.

Pada 2016, sejumlah 7.28 juta isi rumah meraih manfaat daripada RM5.36 bilion dana Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) yang diberikan kerajaan untuk membantu mereka yang berdepan dengan kenaikan kos sara hidup yang tidak dapat dielakkan.

"Turut diperkenalkan beberapa langkah memfokuskan pembangunan keusahawanan, seperti program IAZAM (Program Akhiri Zaman Miskin) untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin dan miskin tegar secara mampan," katanya.

Sementara itu, katanya, kadar enrolmen prasekolah kebangsaan meningkat kepada 85.56 peratus pada 2016 daripada 67 peratus pada 2009 dengan prasekolah kebangsaan mencapai kadar enrolmen hampir penuh bagi kumpu-

lan umur lima tahun ke atas iaitu 92.1 peratus.

Menurutnya sebagai usaha penambahbaikan sistem pendidikan kebangsaan, program Sekolah Berprestasi Tinggi telah mengenal pasti 132 buah sekolah yang dijadikan model kepada sekolah-sekolah lain.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata dalam usaha memerangi rasuah, kerajaan dapat menyelesaikan sebanyak 74.4 peratus kes rasuah pada 2016 dalam tempoh setahun kes didaftarkan di mahkamah menerusi penubuhan 14 mahkamah rasuah khas di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan.

"Sebagai sebahagian usaha kerajaan membanteras rasuah, Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik terus berinteraksi dengan kedua-dua pihak parti politik Malaysia ke arah memperkenalkan peraturan bagi pembiayaan, pengurusan dan pelaporan kempen politik," katanya.

Selain itu, pelancaran fasa pertama Mass Rapid Transit (MRT) Laluan 1 pada Disember 2016 menandakan kemuncak kejayaan sektor pengangkutan awam di bandar pada tahun berkenaan yang seterusnya memberikan petanda baik terhadap usaha kerajaan mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar bertaraf dunia. - BERNAMA